



Cukuplah hanya beberapa jam

Menyelami kepayahan hidup sebagai nelayan

MOHD AZLIM ZAINURY

KUALA NERUS

Selama hampir 13 tahun sejak 2006, penulis sering kali membuat liputan di kawasan perkampungan nelayan di Kuala Terengganu, Kemaman, Setiu dan Marang dan kini di Kuala Nerus.

Terdapat hampir 10,000 nelayan di seluruh negeri terdiri daripada nelayan pantai yang beroperasi secara kecil-kecilan dan juga kumpulan nelayan laut dalam yang mencari rezeki hingga di laut lepas.

Namun, berapa pun jumlah sebenar nelayan di negeri ini bukanlah perkiraan yang signifikan, sebaliknya mereka adalah wira atau hero sebenar di belakang tabir industri perikanan negeri dan negara.

Dalam tempoh hampir 13 tahun juga penulis kerap berkunjung ke jeti nelayan melihat nelayan menaikkan hasil laut dan berurusan dengan orang ramai dan peraih untuk menjual hasil tangkapan diperoleh.

Ya, ada masanya mereka memperolehi hasil lumayan dan kadang-kala hasil nelayan tidaklah seberapa malah ada ketikanya mereka tidak dapat turun ke laut berikutan faktor cuaca dan iklim yang berubah.

Cadangan turun ke laut

Ada juga nelayan mencadangkan penulis menggantikan tempat

mereka untuk sehari jika mahu memahami kepayahan sebenar hidup yang dilalui golongan itu untuk mencari rezeki buat keluarga mereka.

Bahkan ada juga yang pernah dipukul ombak sehingga bot terbalik dan terpaksa mengharungi tiupan angin yang kuat.

Namun, begitulah lumrah dan asam garam kehidupan dilalui setiap nelayan.

Sahut cabaran

Berkesempatan mendekati pekerjaan mereka ketika berkunjung ke sebuah perkampungan nelayan di Kuala Nerus dan Batu Rakit, memberi pengalaman baharu kepada penulis mengenai kegiatan ini.

Perkampungan nelayan yang terletak di pinggir perairan Laut Cina Selatan itu didiami oleh sebilangan besar masyarakat yang menjadikan pekerjaan nelayan sebagai kegiatan utama mereka.

Seawal subuh lagi, kebanyakan nelayan di kawasan itu sudah bersedia untuk memulakan rutin harian mereka.

Satu demi satu bot gentian kaca dinaiki nelayan belayar meninggalkan jeti.

Setelah hampir sejam perjalanan, pukut dilabuhkan. Sebaik dilabuhkan, bot bergerak secara perlahan menyusuri pesisiran pantai untuk memerangkap hasil laut sebelum pukut dinaikkan.

Kulit dibakar panas mentari

Ketika menunggu pukut dinaikkan, penulis mencuri masa berbual dengan seorang nelayan veteran, Alias Mohamad, 60-an

untuk mengetahui mengenai kehidupannya sebagai nelayan.

Menurutnya, dia menjadi nelayan sepenuh masa sejak hampir 40 tahun lalu dan kini menjadi awak-awak di bot milik rakannya yang hanya mahu dikenali sebagai Pak Harun berasal dari Batu Rakit.

Kata Alias, sebagai seorang nelayan, dia terpaksa akur dengan pendapatan harian yang kadangkala lumayan, ada masanya pula hanya cukup-cukup untuk membeli keperluan dapur pada hari tersebut.

Ketika ditanya mengapakah tidak mencari pekerjaan lain yang menjanjikan pendapatan tetap, kata Alias, dia lebih selesa menjadi nelayan pantai memandangkan ia sudah sehati dengan jiwanya sejak remaja.

Setelah panjang lebar bercerita, akhirnya tiba masa untuk menaikkan pukut dan ketika itu, Alias dan Pak Harun begitu tekun melakukan tugas mereka walaupun kulit mereka dibakar panas mentari.

Berdasarkan pengalaman berada di atas bot, penulis akhirnya mengakui bukan mudah untuk menjadi seorang nelayan dan cukuplah hanya beberapa jam menjadi nelayan dan bukannya sehari!

Hanya jiwa dan semangat kental mampu membawa mereka terus belayar meredah lautan pada setiap hari untuk mencari rezeki demi menyara keluarga terutama anak-anak yang masih lagi kecil.

Lebih membanggakan, dengan pendapatan melalui hasil tangkapan 50 kilogram atau lebih sehari itu, ada nelayan dapat membeli bot sendiri walaupun melunaskan bayaran secara ansuran setiap bulan.



Pelanggan dan peraih sentiasa menantikan kepulangan nelayan untuk mendapatkan hasil laut yang segar.